

03 APR 1997

Anwar-Latiff

HASRAT LATIFF LETAK JAWATAN EXCO TIDAK KESAMPAIAN

PULAU PINANG, 3 April (Bernama) -- Hasrat anggota Exco kerajaan Negeri Pulau Pinang Datuk Abdul Latiff Mirasa untuk meletakkan jawatannya masih tidak kesampaian kerana perkara itu tidak dibincang dan ditimbulkan pada mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri hari ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara itu (isu permohonan Latiff untuk meletakkan jawatan) tidak ditimbulkan langsung.

"(Perkara itu) Tidak timbul, tidak dibangkitkan dan tidak dibincangkan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu.

Anwar, yang juga pengerusi badan itu, menyatakan mesyuarat itu hanya satu mesyuarat biasa.

Menurutnya, beliau juga tidak menerima sebarang surat daripada Latiff selaku Pengerusi Jawatankuasa Tanah, Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi Pulau Pinang.

"Mungkin masih dalam pos kot ...," katanya selamba, ketika seorang wartawan menyatakan surat itu telah dihantar, sambil meninggalkan pemberita.

Pada 2 Mac lepas, Latiff, yang juga Ketua Bahagian Umno Bagan, berkata beliau tetap akan meletakkan jawatannya dan terpulang kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Anwar untuk membuat keputusan mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, beliau berkata, beliau akan terus menjalankan tugas sebagai Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri seperti biasa sementara menunggu keputusan itu.

-- BERNAMA

AHM AHH